



**PELAN OPERASI  
LATIHAN  
MAJLIS DAERAH  
JERANTUT**

**PELAN OPERASI LATIHAN (POL)  
MAJLIS DAERAH JERANTUT**

<b>Bil</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Muka surat</b>
1.	Pengenalan	2
2.	Latar belakang	3
3.	Visi	4
4.	Misi	4
5.	Fungsi	5
6.	Objektif Latihan	6
7.	Strategi Latihan	7
8.	Pelaksanaan Latihan	8-9
9.	Perancangan Latihan	10
10.	Bajet Latihan	10
11.	Penutup	11

## **1. Pengenalan**

- 1.1 Pelan Operasi Latihan (POL) Majlis Daerah Jerantut telah dirangka supaya sejajar dan akan memenuhi kehendak-kehendak Pelan Strategik Sumber Manusia yang bermatlamat menetapkan hala tuju strategik, memastikan kapasiti organisasi, mengurus pekerja berkualiti, membangun kompetensi sumber manusia, pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dan pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi.
- 1.2 Majlis Daerah Jerantut amnya dan penjawat awam itu sendiri khasnya, mesti menyesuaikan diri dengan impak globalisasi, akses serta merta kepada maklumat, perubahan ekspektasi pelanggan dan teknologi yang sentiasa berubah dan ditambah baik. Maka inilah dijeniskan kursus-kursus yang perlu diikuti oleh setiap penjawat awam yang dinamakan Pelan Operasi Latihan (POL), untuk membekal mereka dengan ilmu-ilmu terkini bagi memungkinan mereka menghadapi apa saja cabaran dalam perkhidmatan.

## **1. Latar Belakang**

- 1.1 Majlis Daerah Jerantut merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk Bandar Jerantut. Sejarah Majlis bermula pada tahun 1979 apabila Lembaga Bandaran Jerantut ditubuhkan, seterusnya dinaikkan ke taraf Majlis Daerah Pada 1 Mac, 1982.
- 1.2 Sebagai organisasi yang diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah Jerantut juga bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan Bandar Jerantut yang merangkumi kawasan seluas 121.09 km persegi, iaitu 30.13 km persegi adalah kawasan operasi.
- 1.3 Majlis Daerah Jerantut telah diluluskan perluasan kawasan yang meliputi keseluruhan Daerah Jerantut kecuali hutan simpan, iaitu seluas 1,765.51 km persegi. Kawasan operasi baru Majlis Daerah Jerantut bertambah sebanyak 99.69 km persegi menjadikan keseluruhan kawasan operasi selepas perluasan adalah 129.57 km persegi.
- 1.4 Berdasarkan kepada bancian penduduk tahun 2,000, bilangan penduduk Daerah Jerantut ialah 80,685 orang.

## **2. Visi Majlis Daerah Jerantut**

Memajukan semua sektor ke arah mewujudkan kekuatan dan kemantapan ekonomi, kesejahteraan hidup dan keadilan sosial bagi Daerah Jerantut.

## **3. Misi Majlis Daerah Jerantut**

Merealisasikan Majlis Daerah Jerantut sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang maju dan makmur berteraskan pengurusan yang dinamik dan progresif berlandaskan kepada pengurusan sumber dan personal yang produktif menjelang tahun 2020.

## **4. Matlamat Majlis Daerah Jerantut**

Matlamat utama Majlis Daerah Jerantut ialah untuk menjelaskan bandar sebagai pusat pertumbuhan yang maju, indah, bersih dan tersusun serta mempunyai kemudahan-kemudahan bertaraf perbandaran.

## **5. Fungsi Majlis Daerah Jerantut**

- 5.1 Merancang dan menggalakkan pembangunan secara lebih sistematik dan selaras dengan dasar-dasar Majlis.
- 5.2 Mengujudkan suasana pembangunan yang bersesuaian bagi menjadikan Bandar Jerantut sebagai pintu masuk utama pelancung
- 5.3 Membuat penelitian untuk memperbaiki dan mempertingkatkan penyertaan Bumiputra dipelbagai sektor perdagangan
- 5.4 Menentukan arah dan corak pembangunan serta penggunaan tanah terutamanya untuk pembangunan baru dan pembangunan semula selaras dengan struktur dan fungsi petempatan
- 5.5 Meningkatkan susunan fizikal bandar serta memperbaiki sistem lalulintas semasa, sesuai dengan keperluan.

## **6. Objektif Latihan Majlis Daerah Jerantut**

Bagi mencapai matlamat yang dirancang, digariskan beberapa objektif latihan sebagaimana berikut:

- 6.1 Mendedahkan dan membudaya kakitangan dengan etika bekerja;
- 6.2 Menyediakan anggota yang berkecualan, berkebolehan dan berketerampilan dalam menjalankan tugas yang terbaik;
- 6.3 Melaksanakan latihan-latihan Pembangunan Insan dan kerjaya secara terancang bagi kakitangan;
- 6.4 Melengkapkan pegawai dan kakitangan dengan kebolehan dan keupayaan agar dapat menjalankan tugas dengan cepat dan menepati standard atau sasaran;
- 6.5 Memupuk budaya memperoleh ilmu dan pembelajaran yang berterusan di kalangan kakitangan;
- 6.6 Memberi kefahaman dan kemahiran asas pentadbiran dan pengurusan pejabat terutama kepada kakitangan lantikan baru agar didedahkan dengan perkara yang betul dan terbaik dari peringkat awal memulakan tugas.

## **7. Strategi Latihan Majlis Daerah Jerantut**

Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) menggariskan strategi dan pendekatan tertentu bagi mencapai tahap kecekapan kompetensi kakitangan:

a) Perancangan Kursus

JKP akan merancang dan merangka jenis-jenis kursus/seminar/bengkel yang bersesuaian dengan menggunakan kepakaran dalaman atau luaran.

b) Pelaksanaan Kursus Sepanjang Tahun

JKP akan menyediakan kalendar perancangan latihan sepanjang tahun meliputi keperluan semua kakitangan.

c) Penggalakan Penyertaan Kursus/Seminar/Latihan/Bengkel

JKP sentiasa memberi galakan dan juga dorongan agar semua kakitangan dapat menyertai apa-apa kursus/seminar/latihan/bengkel tidak kira dianjurkan oleh Majlis, SUK atau badan-badan lain.



## **8. Pelaksanaan Latihan Majlis Daerah Jerantut**

### a) Analisa Keperluan Latihan (TNA)

JKP sentiasa membuat kajian dan analisa keperluan latihan kepada semua pegawai dan kakitangan berdasarkan kepada keperluan sebenar pegawai:

- Kumpulan Sokongan I
- Kumpulan Sokongan II

### b) Pelaksanaan Latihan

Pelaksanaan semua bentuk latihan meliputi kursus/seminar/bengkel/taklimat dan lain-lain

- Pemantapan kepakaran khusus dan juga kepakaran umum
- Kepakaran umum menjurus kepada kursus-kursus berkaitan dengan budaya kerja berkualiti dan pengukuhan organisasi serta kerja berpasukan
- JKP juga akan memberikan dua bentuk latihan asas kepada kakitangan lantikan baru iaitu Kursus Induksi Khusus dan Induksi Umum. Kursus Induksi Khusus merupakan latihan jangka masa singkat bagi memperkenalkan dan mendedahkan kakitangan kepada alam pekerjaan. Kurus Induksi Umum pula merupakan kursus lengkap dan meliputi jangka masa yang lebih panjang dan bagi memenuhi keperluan pengesahan dalam perkhidmatan. Kursus ini dianjurkan oleh Pejabat SUK Pahang.

c) Penilaian Latihan

- i) Setiap kursus yang dianjurkan akan diadakan suatu penilaian melalui borang penilaian. Penilaian kursus akan dilakukan oleh peserta kursus berasaskan kepada beberapa kriteria seperti di bawah:
- Keberkesanan modul kursus
  - Keberkesanan penyampai ceramah
  - Kemudahan-kemudahan peralatan sokongan
  - Perjalanan kursus secara keseluruhan
- ii) Daripada penilaian ini, urusetia kursus dapat membuat penilaian perjalanan kursus dan seterusnya mencari pendekatan lain untuk penambahbaikan bagi sesi kursus-kursus yang datang.

d) Pemantauan

i) Pemantauan Latihan Kakitangan

- Hasil daripada pemantauan sepanjang tahun bagi semua jenis latihan, JKP akan membuat penilaian semula keperluan sesuatu kursus/bengkel itu diteruskan dan dimasukkan dalam perancangan latihan pada masa-masa akan datang.
- Ini bertujuan untuk memberi kesan dari impak yang optima daripada setiap kursus yang diadakan.

ii) Pemantauan Kakitangan

- Pemantauan ini bertujuan untuk mengenal pasti mana-mana pegawai dan kakitangan yang masih belum menghadiri kursus atau belum mencukupi bilangan hari berkursus setahun.

## **9. Perancangan Latihan Majlis Daerah Jerantut**

Tiga (3) peringkat latihan yang dikehendaki dan digunakan bagi semua skim perkhidmatan:

### **9.1 Peringkat Pra Penempatan**

Latihan di peringkat ini dilaksanakan kepada pegawai kakitangan yang baru dilantik. Kursus Induksi Khusus mengambil masa 2 hingga 3 hari dan bertujuan untuk pendedahan dan pengenalan kepada alam pekerjaan yang baru serta nilai positif anggota. Tahap ini merupakan Tahap Pendedahan Kompetensi.

### **9.2 Peringkat Asas**

Latihan Peringkat Asas disyaratkan kepada pegawai yang dilantik antara 1 hingga 3 tahun. Pengenalan kepada perkhidmatan awam seperti melalui Kursus Induksi Umum yang berkaitan dengan jawatan yang disandang. Kursus ini biasanya mengambil masa 10 hingga 12 hari.

### **9.3 Peringkat Pertengahan/Lanjutan (Tahap Pembangunan Kompetensi)**

Latihan peringkat ini melibatkan Pembangunan Kompetensi dan juga kemahiran kepada anggota perkhidmatan yang berkhidmat melebihi 3 tahun.

## **10. Penutup**

Dengan terlaksananya Pelan Operasi Latihan, perkara-perkara berikut akan dapat dicapai dan sekaligus akan menjana perkhidmatan awam untuk mencapai aspek-aspek budaya kerja berprestasi tinggi bercirikan komitmen yang tinggi, keseronokan bekerja, amanah, proaktif dan keterbukaan, aduan minima mengenai rasuah dan salah laku anggota:

- Penetapan Hala Tuju Latihan Strategik
- Memastikan Kapasiti Organisasi
- Menguruskan Pekerja Yang Berkualiti
- Membangun Kompetensi Tenaga Kerja
- Pengurusan Prestasi, Pengiktirafan dan Ganjaran
- Pembentukan Budaya Kerja Yang Berprestasi Tinggi